



**NOTA PERCAKAPAN**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM LAWATAN TURUN PADANG**

**PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL**

**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**WAKTU: 5.00 PETANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

1. Pelaksanaan projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan merupakan satu inisiatif penambahbaikan infrastruktur serta kemudahan awam yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensiagensinya untuk manfaat warga Wilayah Persekutuan. Ianya dilaksanakan melalui peruntukan yang di salurkan bawah Pemberian Khas Wilayah Persekutuan (PKWP) setiap tahun.
2. Permohonan atau cadangan perlaksanaan projek-projek kecil tahun semasa dikemukakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan pada setiap awal tahun dan diterima dari kawasan-kawasan Parlimen iaitu Titiwangsa, Batu, Setiawangsa, Wangsa Maju, Bandar Tun Razak, Kepong, Segambut, Lembah Pantai, Bukit Bintang dan Seputeh melalui pelbagai sumber termasuk:
  - i. Pemimpin tempatan / Ahli Parlimen;
  - ii. Majlis Perwakilan / Persatuan Penduduk yang berdaftar;
  - iii. Jawatankuasa surau dan Masjid;
  - iv. Jawatankuasa Rukun Tetangga;
  - v. Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam; dan
  - vi. Persatuan / Badan Kebajikan Bukan Kerajaan yang berdaftar.
3. Di antara skop projek yang dilaksanakan di bawah projek-projek kecil termasuk kerja-kerja baikpulih /naiktaraf infrastruktur seperti dewan komuniti, dewan masyarakat, dewan orang ramai, surau, masjid, tempat letak motorsikal, sekolah, tadika dan sebagainya.

4. Permohonan ini diteliti dan dipertimbangkan oleh pihak Jawatankuasa Projek-Projek Kecil Kementerian Wilayah Persekutuan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus berdasarkan peruntukan sedia ada bagi setiap Parlimen yang mana antara kriteria utama pertimbangan iaitu berdasarkan keperluan kritikal yang memerlukan baikpulih serta merta sebelum digunakan bagi mengelakkan risiko yang boleh menjejaskan keselamatan orang awam. Pelaksanaan projek-projek kecil akan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada kelulusan.
5. Pelantikan kontraktor bagi pelaksanaan projek-projek kecil dilaksanakan melalui proses cabutan undian Kontraktor G1 yang berdaftar dengan Sistem Pendaftaran Projek-Projek Kecil Kementerian Wilayah Persekutuan. Kontraktor yang menepati syarat-syarat dan berjaya terpilih akan ditawarkan untuk melaksanakan kerja mengikut tatacara-tatacara Kerajaan yang berkuat kuasa semasa.
6. Program-program lawatan Turun Padang ini telah memberikan pengalaman dan pengetahuan secara langsung dan amat diyakini bahawa Projek-Projek Kecil ini amat memberikan impak yang besar kepada penduduk Wilayah Persekutuan.
7. Pada tahun ini Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta bagi pelaksanaan Projek Kecil ini. Dengan adanya inisiatif pelaksanaan projek-projek kecil ini, Kementerian berharap akan memberi keselesaan khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kementerian dan sewajarnya ia dipelihara atau dijaga dengan sebaik-baiknya.

